

BERSATU DAN BERSAHABATLAH DI DALAM PERSAHABATAN IKHWAN


Tiap-tiap seorang yang hendak masuk ke dalam persahabatan Ikhwan ini hendaklah lebih dahulu mengaku taat kepada lima perkara di bawah ini:

1. Mengaku bahawasanya tidak ada yang disembah melainkan Allah dan Muhammad itu pesuruh Allah.
2. Mengerjakan suruhan-suruhan Allah dan menjauhi larangan-Nya.
3. Berbuat baik kepada tiap-tiap manusia.
4. Berusaha menjalankan seruan-seruan agama di mana ia berada dan dengan sedaya upaya masing-masing.
5. Bersefahaman and berkasih sayang di antara sekalian orang-orang Islam khususnya keluarga Ikhwan.

*Kepada: Pengelola
 IKHWAN
c/o Qalam, 356 & 358, Geylang Road,
Singapore 14.*

*Tuan:
Bersama ini saya sertakan wang 50 sen –
Diharap tuan masukkan saya sebagai ahli Ikhwan
dari majalah Qalam; dan saya akan taat kepada lima perkara
yang tersebut di atas: (Nama, alamat, tulis terang)*

*Nama.....
Alamat.....
.....
Nombor Kad pengenalan saya.....
Tandatangan saya.....*



Tiap-tiap seorang akan dikenakan bayaran 50 sen iaitu untuk mendapatkan satu kad pengenalan, satu surat tauliah, sebuah buku kecil panduan dan sebuah *badge* (lencana) yang dikehendaki tiap-tiap seorang mesti memakainya sebagai tanda menjadi anggota – dan kerana itu tiap-tiap seorang dikehendaki membayar harganya termasuk setemnya sebanyak 50 sen sahaja. Setelah diakui menjadi anggota Ikhwan, ia berhak mendapat potongan 20 peratus daripada harga buku-buku dan majalah-majalah yang diterbitkan oleh Qalam jika dipesan terus kepadanya.

Nama-nama mereka akan disiarkan di dalam majalah Qalam dengan diberi bernombor daftar.

Isilah borang yang tersebut di bawah ini dengan terang disertakan wang sebanyak 50 sen untuk perkara-perkara yang tersebut.

Sambungan dari muka 19

buku dalam bahasa Melayu yang ada dan berumur lebih kurang daripada tahun 1600. Hikayat Malim Dagang adalah dikatakan ditulis lebih kurang pada tahun 1650 dan Hikayat Hang Tuah lebih kurang pada awal kurun kedelapan belas. Dalam pada itu pun dalam perhitungan kesusasteraan Melayu, buku “Sejarah Melayu” yang ditulis oleh Tun Sri Lanang dalam kurun ketujuh belas itulah hasil sastera yang lebih lengkap daripada buku-buku yang di sebelahnya (yang sezaman dengannya? – P.).

Dalam tingkatan ini bahasa Melayu dipenuhi pula dengan tulisan-tulisan yang merupakan percampuran di antara hasil pengaruh pahatan Melayu kuno, pengaruh hidup dengan pengaruh Islam kepada orang Melayu. Sebagai contoh di bawah ini disalinkan puja “Hantu Lautan”.

Hai tuah mambang putih, tuah mambang hitam;
Yang diam bulan dan matahari,
Melimpahkan sekalian alam asalnya pawang,
Menyampaikan sekalian hajatku,
Melakukan segala kehendakku,
Assalamualaikum!
Hai sahabatku mambang tali harus,
Yang berulang ke pusat Tasik Pauh Janggi,
Sampaikanlah pesanku ini,
Kepada datuk si rimpun alam:
Aku minta tolong peliharakan kawan-kawanku.
Hai sekalian sahabatku yang di laut!
Hai, sidang soleh, sidang bayu!
Sidang mukmin, sidang ambang!
Sidang biku, mambang segara!!
Mambang singga sana, mambang diwat!
Mambang laksana, mambang sina mata!
Mambang diwati, mambang diwani!
Mambang tali harus!

Imam An Jalil namanya imam di laut,
Bujang Ransang namanya hulu balang di laut,
Nik Rindal namanya yang diam di bawah,
Nik Joreng namanya yang tinggal di tanjung,
Datuk Batin Alam namanya yang datuk di laut,
Bujang Seri Layang namanya yang diam di awan-awan,
Malaikat Ceter Ali namanya yang memegang puting beliung,
Malaikat Sabur Ali namanya yang memegang angin,
Malaikat Sir Ali namanya yang memegang air laut,
Malaikat Putar Ali namanya yang memegang pelangi,
Iaitulah adanya: Ya Nabi, ya wali Allah,
Tertegak panji-panji Muhammad, geda-geda Allah.
Aku minta keramat pawang,
Berkat keramat Datuk Mengkudum Putih,
Berkat keramat Daulat Sultan Iskandar Shah adanya.

Adapun bahagian yang ketiga ialah masa baharu zaman Abdullah bin Abdul Kadir Munshi (1796 – 1854) hingga sekarang ini. Perkembangan bahasa Melayu pada masa itu bolehlah diceritakan sama dengan perkembangan sejarahnya; sebagai sumbangan kepada perkembangan sejarah yang diceritakan tadi.

Keadaan wujudnya bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di kepulauan Melayu itu berjalan terus dengan sedikit demi sedikit merebak dan mendalam ke dalam hidup masyarakat seluruhnya. Pada tahun 1834 Munsyi Abdullah bin Abdul Kadir telah mengarang bukunya yang mustahak “Hikayat Abdullah” sebagai langkah perintis bagi peringkat baharu dalam kesusasteraan.

Buku-buku agama yang besar dan luas pun telah mulai diperingkat ini ditulis dengan banyaknya oleh pengarang-pengarang Islam bagi memenuhi tuntutan masyarakat telah mulai terbuka matanya kepada dunia persuratan. Dalam

bentuk dan bangunnya tentulah masih terdapat kesan-kesan yang zahir bagi pengaruh bahasa Arab. Walaubagaimanapun iaitu tanpa mempunyai peranan besar bagi mengembangkan bahasa Melayu.

Hal ini hendaklah kita renungkan pula bersama dengan perkembangan bahasa Melayu di daerah-daerah yang mempunyai bahasa daerah masing-masing. Mereka ini telah mulai menyedari kepentingan bahasa Melayu, yang dinamakan Bahasa Melayu Tinggi atau Melayu Riau itu, bagi kegunaan perhubungan mereka di antara satu dengan yang lain. Di Sumatera khususnya, kesedaran ini meluap dan nyata dalam gambaran perkataan Mr Muhammad Yamin: “Dengan mengetahui bahasa Melayu setiap orang akan mendapat kesempatan untuk berhubung dengan orang-orang Jawa, Sunda, Melayu dan Arab, dengan siapa ia berunding.....saya sendiri di samping itu menaruh keyakinan bahawa bahasa Melayu itu lambat launnya akan menjadi bahasa perundingan atau bahasa persatuan satu-satunya bagi bangsa Indonesia dan bahawa kebudayaan Indonesia di masa datang akan dilahirkan dalam bahasa itu.”

Gerakan cenderung kepada bahasa Melayu itu bertambah kuat di kalangan masyarakat Indonesia hingga pada tahun 1936 majalah Yong Jawa sudah mengakui bahasa Melayu sebagai bahasa perkumpulan sedang kita mengetahui bahawa orang-orang Jawa itu masih kuat kepada ke-Jawa-an mereka. Walaubagaimanapun perkembangan bahasa Melayu itu berjalan terus menerus di pulau-pulau dan di daerah-daerah yang pada masa ini di Indonesia walaupun pada masa itu belum ada ingatan mereka akan memakai bahasa Indonesia, yang juga bahasa Melayu pada mulanya.

Mr Muhammad Yamin dalam memelopori kesedaran bahasa Melayu telah menulis dalam majalah Yong Sumatra bulan Februari 1921 satu rencana bertajuk

“Bahasa, Bangsa” seperti berikut:

Selagi kecil berusia muda,
Tidur si anak di pangkuan bonda.
Ibu berjanji, lagu dan dendang;
Memuji si anak banyaknya sedang;
Berbuai saing malam dan siang
Buaian tergantung di tanah moyang.
Terlahir di bangsa, berbahasa sendiri
Diapit keluarga kanan dan kiri
Besar budiman di Tanah Melayu
Berduka suka, sertakan rayu;
Perasaan syarikat menjadi padu
Dalam bahasanya, permai merdu.
Meratap menangis bersuka ria
Dalam bahagia bala dan baya;
Bernafas kita panjangkan nyawa
Dalam bahasa sambungan jiwa.
Di mana Sumatera, di situ bangsa,
Di mana Perca, di sana bahasa.
Andalusku saing, jana bejana
Sejakkan kecil muda teruna
Sampai mati berkalung tanah
Lupa ke bahasa, tidakkan pernah
Ingat pemuda, Sumatera malang
Tiada bahasa, bangsa pun hilang.

Kemuncak gerakan mengembangkan bahasa Melayu dan mengambilnya bagi bahasa perantaraan dan persatuan terdapat pada 28 Oktober 1928 ketika kongres Indonesia Muda di Jakarta menetapkan di antara tiga ketetapanannya “Bahawa kami putera dan puteri Indonesia menjunjung bahasa persatuan bahasa Indonesia.”

Dari semenjak itu mulalah bahasa Indonesia yang satu asalnya berkembang di kepulauan Indonesia hingga

mendapat tempat yang tinggi di kalangan rakyat Indonesia. Di semenanjung Tanah Melayu pun pengaruh bahasa Melayu itu masih kuat pada awal kurun kedua puluh dan kelemahannya timbul hanya apabila bahasa Inggeris telah membawa bersamanya keuntungan dan maslahat yang kerap dikejar oleh manusia itu.

Sesudah perang besar kedua perkembangan bahasa Melayu di Indonesia telah lebih pesat dan dengan kemerdekaan Indonesia bahasa itupun mendapat tempat yang penuh kedaulatan dan kekuatan. Semuanya ini terzahir dalam pengaruh bahasa. Itu di situ dan dalam isi kesusasteraan yang subur dari satu masa ke satu masa.

Demikianlah berkembangnya bahasa Melayu sebagai *Lingua Franca* kepulauan Melayu. Bahasa itu tidak lagi hanya bahasa orang Melayu. Hanya bahawa faktor perkembangannya itu ialah kesederhanaan sifatnya yang

membolehkan diterima sebagai bahasa perantaraan perkembangan bahasa Melayu berkurun-kurun dengan luasnya itu adalah kerana pertamanya orang-orang Melayu sendiri yang menjadi saudagar-saudagar dan banyak belayar dan keduanya kerana wujudnya dua zaman kemakmuran dalam kerajaan Srivijaya dan sesudah itu di zaman Melaka. Ini seperti yang telah disebutkan tadi dilanjutkan dalam erti yang terhad oleh kaum penjajah asing seperti orang Portugis dan Belanda.

Begitulah bahasa Melayu berkembang hingga seperti keadaannya hari ini dan dengan adanya Malaya di ambang pintu kemerdekaannya akan bertambahlah perkembangan bahasa itu hingga menjadi satu bahasa yang sangat penting di dunia ini.

“Bahasa Jiwa Bangsa”



Gambar kenangan murid-murid Madrasah Maxwell Road Singapura dengan gurunya Ustaz Hamzah bin Ibrahim.